

i-Care

Perlindungan Hayat yang Penting untuk Anda



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami: 1300 22 6262

i-Care

Perlindungan Hayat yang Penting untuk Anda

Kehidupan dipenuhi dengan ketidakpastian. Mempunyai perlindungan yang mencukupi adalah salah satu keutamaan anda untuk melindungi anda dan orang yang tersayang semasa ketiadaan anda atau anda mengalami ketidakupayaan fizikal untuk menjaga mereka.

Premium bermula dari **RM9.75** sebulan untuk perlindungan **RM100,000**, lindungi keluarga anda sekarang dengan i-Care – Perlindungan yang tinggi, kos yang berpatutan!

Soalan-Soalan Lazim

S: Apakah i-Care?

J: **i-Care** adalah polisi bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi manfaat perlindungan terhadap kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dan manfaat tambahan kematian akibat kemalangan.

i-Care merupakan pelan perlindungan yang tidak mengandungi apa-apa unsur simpanan atau pelaburan.

S: Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk i-Care?

J: Anda boleh membeli **i-Care** secara terus dari FWD Insurance Berhad dengan mengunjungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan FWD Insurance Berhad atau mana-mana cawangan FWD Insurance Berhad di seluruh negara. Anda juga boleh meninggalkan maklumat perhubungan anda di fwd.com.my/life-insurance/i-care.

S: Adakah saya layak memohon pelan ini?

J: Jika anda berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun, anda layak memohon pelan ini.

S: Berapakah jumlah yang boleh saya pilih untuk melindungi saya sendiri dan apakah tempoh perlindungan untuk pelan ini?

J: i-Care menawarkan perlindungan sehingga 80 tahun untuk Manfaat Kematian dan perlindungan sehingga 69 tahun untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dan Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan.

Anda boleh memilih daripada 3 pelan di bawah yang bersesuaian dengan keperluan anda:

Manfaat	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Manfaat Kematian	RM100,000	RM300,000	RM500,000
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal (HUMK)	RM100,000	RM300,000	RM500,000
Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan	RM50,000	RM150,000	RM250,000

Sekiranya kematian berlaku akibat kemalangan, sejumlah manfaat tambahan di samping Manfaat Kematian akan dibayar kepada keluarga anda.

S: Apakah tempoh masa pembayaran premium saya?

J: i-Care boleh diperbaharui sehingga 80 tahun. Kadar premium adalah berbeza bergantung kepada umur dan jantina anda. Layari fwd.com.my/life-insurance/i-care untuk mendapat rujukan pantas mengenai jumlah premium yang perlu dibayar untuk pelan yang anda mohon.

S: Bagaimanakah boleh saya kemukakan tuntutan?

J: Hubungi kami di 1 300 22 6262 atau layari fwd.com.my/insurance/claims untuk mengetahui langkah-langkah untuk mengemukakan tuntutan. Bagi mempercepatkan pembayaran manfaat semasa melakukan tuntutan, sila muat turun dan lengkapkan Borang Pencalonan di laman web kami di fwd.com.my/insurance/forms.

S: Apakah pengecualian di bawah pelan ini?

J: Pengecualian di bawah pelan ini termasuk:

- a) Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika kematian Orang Yang Diinsuranskan disebabkan oleh hukuman undang-undang; atau melakukan atau cuba untuk melakukan suatu tindakan kecuaiian atau menyalahi undang-undang atau apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan dasar awam.

- b) Manfaat (HUMK) tidak akan dibayar jika disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari peristiwa berikut:
 - percubaan membunuh diri semasa waras atau tidak waras;
 - kecederaan yang disengajakan semasa waras atau tidak waras;
 - kecederaan yang dialami semasa di bawah pengaruh dadah atau arak atau bahan yang memabukkan;
 - terlibat dalam aktiviti udara selain sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pesawat terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan pada laluan komersial berjadual;
 - terlibat atau melaksanakan kewajipan dalam perkhidmatan ketenteraan, polis atau aeronautik;
 - penyakit, sakit lama atau kemalangan di mana Orang yang Diinsuranskan menderita, menanggung sakit atau didiagnos, sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh terakhir penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian;

- c) Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan tidak akan dibayar jika disebabkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, diakibatkan oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - serangan atau pembunuhan;
 - rusuhan, kekacauan awam, mogok atau aktiviti penganas;
 - bunuh diri atau kecederaan ke atas diri sendiri atau ancaman untuk mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
 - semasa atau kerana Orang yang Diinsuranskan di bawah pengaruh alkohol, narkotik, dadah atau racun atau akibat terhidu gas atau wasap;
 - kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia ada;

Pengecualian di atas adalah tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada kontrak polisi.

Nota Penting

i-Care adalah produk perlindungan yang diedarkan secara langsung oleh FWD Insurance Berhad.

Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang anda mampu.

Anda diberi 31 hari tempoh tenggang dari tarikh akhir untuk melakukan pembayaran premium anda. Premium yang tidak dibayar mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan. Anda boleh menggunakan alat penilaian kesesuaian kami yang terdapat di mycoverage.my/kalkulator/perlindungan_hayat_bertempoh/ untuk menganggarkan jumlah perlindungan yang diperlukan atau untuk mengira kemampuan premium yang perlu dibayar berdasarkan pendapatan semasa, perbelanjaan dan obligasi kewangan anda.

Pelan ini adalah untuk warganegara Malaysia, Singapore dan Brunei sahaja.

Tempoh pengamatan percuma selama 15 hari diberikan untuk anda menyemak semula kesesuaian pelan ini selepas anda menerima Kontrak Polisi. Sekiranya anda membatalkan polisi dan mengembalikan Kontrak Polisi kepada Syarikat semasa tempoh tersebut, kesemua premium yang dibayar, tanpa faedah, ditolak perbelanjaan perubatan yang dikenakan untuk pemeriksaan perubatan akan dikembalikan kepada anda, dan polisi ini dianggap tidak sah dari permulaannya.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara risalah ini dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk, buku maklumat insurans tentang “Insurans Hayat” dari fwd.com.my dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat terperinci pelan sebelum membeli pelan.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Untuk maklumat lanjut

Sembang secara langsung dengan kami
di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com



**Talian Khidmat
Pelanggan
1 300 22 6262**

Waktu operasi: 8.30am
– 5.30pm, Isnin hingga
Jumaat, kecuali cuti umum

Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 13 juta* pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

*Pada Mar 2024

Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan rakyat Malaysia.